

Pusat Perakaunan UMS Jayakan Seminar Penyelidikan Perakaunan 2017

Terakhir dikemaskini: Selasa, 08 Ogos 2017 15:25 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 2602

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 8 OGOS -
Pusat Perakaunan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah

menganjurkan Seminar Penyelidikan Perakaunan 2017 baru-baru ini.

Bertempat di Bilik Seminar Perakaunan, FPEP, seminar itu antara lain bertujuan untuk memberi peluang kepada para penyelidik dalam bidang perakaunan untuk membentangkan hasil penyelidikan yang sedang dijalankan, selain menjadi ruang untuk berkongsi buah fikiran dan mengadakan jaringan kerjasama.

Seramai 46 peserta terlibat dalam seminar tersebut, 30 daripadanya adalah kakitangan dan pelajar UMS, manakala selebihnya peserta luar dari beberapa institusi pendidikan tinggi seperti kakitangan Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi MARA Sabah dan University College Sabah Foundation serta pelajar pascasiswazah Universiti Malaya.

Seminar sehari itu menyaksikan sembilan kertas kerja dibentangkan enam pembentang daripada FPEP UMS, dan tiga pembentang dari UNIMAS, selain ucaptama bertajuk “Contemporary Issues in Accounting Research: The Way Forward” yang disampaikan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, Prof. Dr. Rasid Mail yang juga merupakan pakar dalam bidang perakaunan.

Dengan kejayaan penganjuran seminar tersebut, Pusat Perakaunan UMS dijangka akan menjadikan Seminar Penyelidikan Perakaunan sebagai acara tahunan pusat tersebut, dengan perancangan penganjuran berskala besar melibatkan penyertaan lebih ramai peserta dari institusi pendidikan tinggi lain terutamanya dari Semenanjung Malaysia dan kawasan serantau pada masa akan datang.

Sumber: Pusat Perakaunan UMS